

Tempat suci umat Islam diancam aktiviti penggalian berterusan Israel

**Masjid Al-Aqsa berdepan risiko runtuh**

**BAITULMUQADDIS** – Pegawai-pegawai di Masjid Al-Aqsa menyuarakan kebimbangan mendalam terhadap ekskavasi Israel yang menyebabkan struktur bangunan masjid retak selain berlaku kerosakan lain, lapor akhbar Arab News kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Islam dan Hal Ehwal Masjid Al-Aqsa, Azzam Al-Khatib memberi amaran bahawa Masjid Al-Aqsa berisiko runtuh sekiranya kerja penggalian Israel di tempat suci umat Islam itu berterusan dalam jangka masa panjang.

Rejim Israel melakukan ekskavasi di bawah tempat ketiga paling suci umat Islam itu sejak beberapa minggu lalu.

Aktiviti tersebut menyebabkan keretakan pada dinding dengan marmar terlerai daripada dinding serta siling.

“Terdapat kerja-kerja penggalian berbahaya dan tidak diketahui tujuannya sedang dilakukan oleh Rejim Israel.

“Saya minta polis Israel membenarkan jurutera dan juruteknik khusus daripada jabatan kami untuk memeriksa keadaan bangunan yang terjejas, namun permintaan kami tidak dipedulikan,” kata Azzam.



**PENDUDUK** beragama Islam menunaikan solat Jumaat di halaman Masjid Al-Aqsa pada 27 Mei lalu.

– AFP

Katanya, aktiviti serupa pernah berlaku pada masa lalu tetapi kerja-kerja penggalian telah dipertingkatkan sejak beberapa minggu lalu.

“K a m i

Baik Wakaf, mahupun UNESCO, kedua-dua pihak tidak tahu apa yang berlaku sekarang.”

**AZZAM AL-KHATIB**

bimbang mengenai terowong yang digali oleh pihak Israel boleh menyebabkan Masjid Al-Aqsa runtuh.

“Oleh sebab itu, kami memohon Mahkamah Diraja Jordan, Kementerian Wakaf Islam Jordan, duta Jordan, dan yang paling penting, k a m i merayu kepada

pemerintah Jordan, Raja Abdullah selaku penjaga tapak suci untuk campur tangan dalam isu ini.

“Pihak pengurusan Awqaf Islam tidak mahu sebarang pergeseran berlaku tetapi kami amat mengambil berat mengenai apa sahaja yang boleh menjejaskan Al-Aqsa dan kestabilan di rantau ini.

Tambah Azzam, pihaknya telah memohon kebenaran daripada polis Israel untuk melakukan kerja pembaikan pada dinding rosak tetapi tidak mendapat keizinan.

“Baik Wakaf, mahupun UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan PBB), kedua-dua pihak tidak tahu apa yang berlaku sekarang.

“Kami diamanahkan menjaga Masjid Al-Aqsa dan kami akan melaksanakan tanggungjawab itu.

“Apa yang berlaku adalah perkara berbahaya yang membimbangkan dan menakutkan kita semua,” tambah Azzam.

– AGENSI



**ORANG** ramai berjalan di halaman kompleks Masjid Al-Aqsa di Baitulmuqaddis pada 27 Mei lalu. – AFP